



Headline: Nasib baik staf bank cekap
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 15 February 2020

Language: Malay
Section: Lokal
Page: 18

Nasib baik staf bank cekap

Kota Tinggi: Kecurigaan kakitangan sebuah bank apabila mendapati pelanggannya cuba memindahkan sejumlah besar wang ke akaun pihak ketiga menyelamatkan seorang warga emas daripada menjadi mangsa sindiket penipuan, kelmarin.

Bekas peneroka itu nyaris kerugian RM200,000 selepas menerima panggilan daripada sindiket penipuan yang menyamar pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Ketua Polis Kota Tinggi, Superintendant Ashmon Bahjah berkata, bertindak atas maklumat, Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Ibu

Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Tinggi berjaya menyelamatkan lelaki warga emas berumur 60 tahun daripada mengalami kerugian besar.

Katanya, pihaknya mendapat maklumat daripada pihak bank warga emas berkenaan cuba mendepositkan RM200,000 ke dalam satu akaun pihak ketiga.

“Warga emas terbabit memaklumkan tujuan deposit adalah untuk pembelian tanah tetapi hasil soal siasat lanjut oleh Inspektor William Prasad Francis dari Bahagian Siasatan Jenayah Komersil IPD Kota Tinggi mendapati lelaki itu terlebih dahulu menerima panggilan daripada suspek yang menyamar sebagai pegawai

LHDN dan PDRM.

“Suspek memberitahu bahawa lelaki itu mempunyai tunggakan cukai dengan kerajaan dan sekiranya gagal diselesaikan boleh menyebabkan wang simpanannya dibekukan Bank Negara Malaysia,” katanya dalam ke nyataan semalam.

Katanya, mangsa diarahkan supaya membuat pemindahan semua wang simpanannya ke dalam akaun pihak ketiga yang diberikan oleh suspek.

“Mangsa juga diarahkan supaya merahsiakan perkara itu kerana kes itu adalah rahsia kerajaan,” katanya sambil menambah, kes di siasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.